

# Merealisasi kita negara membaca

**Pelancaran** inisiatif Dekad Membaca Kebangsaan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad merangkap pemangku Menteri Pendidikan wajar mencetuskan momentum untuk merealisasikan impian menjadi negara membaca.

Pelancaran oleh Dr Mahathir cukup signifikan kerana beliau memang dikenali sangat meminati buku, suka membaca serta menulis. Jadi, masyarakat perlu menyahut seruan ini untuk menjadi masyarakat yang mencintakan ilmu dan membudayakan amalan membaca.

Budaya membaca penting dalam mencipta dan merangsang perkembangan ilmu pengetahuan serta membangunkan bangsa berjaya. Hanya bangsa yang terus menyuburkan budaya membaca mampu bangkit membina kecermerlangan dan mencipta kejayaan berterusan.

Kita harus berbangga apabila Kuala Lumpur dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Ini pengiktirafan dan penghargaan tertinggi masyarakat dunia terhadap kemampuan kita menyuburkan budaya membaca.

Kementerian Pendidikan memasang tekad mewujudkan negara membaca pada 2030. Untuk merealisasikan hasrat murni ini, kementerian mula melaksana pelbagai inisiatif melalui kempen membaca.

Dengan slogan *With Knowledge We Lead* dan tema #Mala-



*Membawa anak ke perpustakaan antara langkah awal yang boleh diambil ibu bapa dalam memupuk amalan membaca.* (Foto hiasan)

ysiaMembaca, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berbudaya membaca dan dapat menyemarakkan lagi pembacaan dalam masyarakat.

Kita dapat menyaksikan perubahan drastik daripada sumber pembacaan tradisional seperti akhbar dan buku kepada sumber pembacaan digital dilihat mula menjadi cabaran terbesar dalam masyarakat. Sumber pembacaan dalam arus digital tanpa sekatan

sudah menjadi medan penyebaran berita palsu dan kandungan merosakkan masyarakat.

Jadi dalam menggalakkan budaya membaca, perlu ada inisiatif mendidik masyarakat agar dapat membezakan antara kandungan benar dengan palsu. Justeru, usaha dan program pembudayaan amalan membaca perlu disusun secara sistematik, sekali gus diperluas kepada segenap lapisan masyarakat di seluruh negara.

Inisiatif menjayakan hasrat itu

juga perlu dimulakan dari peringkat akar umbi. Umpama melentur buluh biar dari rebungunya, budaya membaca dan cintakan ilmu perlu bermula dari rumah sejak anak masih kecil lagi. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak dengan mengamalkan budaya membaca di rumah.

Biar anak mencontohi budaya itu dan ibu bapa juga wajar rajin membawa anak ke perpustakaan, di samping membelikan buku secara konsisten mengikut kemam-

puan. Ingatlah sudah tiba masanya ibu bapa mengalihkan perhatian anak dari gajet dan permainan melalaikan kepada buku.

Masyarakat juga boleh mengambil inisiatif untuk menubuhkan kelab buku di taman perumahan atau kampung. Dengan ini, kos membeli buku akan menjadi lebih murah apabila dikongsi bersama.

Kedai buku terpakai juga boleh menjadi alternatif dan jangan lupa rebut peluang membeli buku dan bahan bacaan pada harga murah di pesta buku.

Penulis ingin mencadangkan semua agensi kerajaan dan swasta menubuhkan perpustakaan mini di organisasi masing-masing.

Sediakan sedikit peruntukan atas dasar tanggungjawab sosial korporat membelikan koleksi buku yang boleh dimanfaatkan pekerja sama ada untuk membaca pada waktu rehat atau meminjam.

Ini bukan saja membantu menyuburkan budaya membaca, malah pekerja dapat menyumbang peningkatan produktiviti organisasi melalui cara kerja lebih efisien, kreatif dan inovatif dengan ilmu pengetahuan baharu.

Justeru, sesibuk manapun, peruntukan sekurang-kurangnya 10 minit setiap hari untuk membaca. Bawalah buku ke mana jua agar dapat menyelitkan sedikit pembacaan pada waktu ruangan kosong.

**Noor Mohamad Shakil Hameed,**  
Timbalan Pengarah, Pejabat  
Strategi Korporat Dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia